

Burung oh Burung!



M Reduan Yahya

“Burung! Oh, burung! Memekaknya. Aku nak bangun lambat pun tak boleh!” rungut Nabil sambil menutup telinganya.

Dada biliknya **terpancar** cahaya matahari. Nabil sedang di atas katil menikmati hujung minggunya. Hari-hari begini sahajalah yang dia dapat bangun lewat kerana tidak perlu ke sekolah.

“Apa tu bising-bising Nabil?” tanya ibu.

“Bu, tutupkan tingkap bilik Nabil boleh? Bisinglah! Nabil nak bangun lambat pun tak boleh,” kata Nabil sambil menutup mukanya dengan bantal disebabkan



silauan matahari dan bunyi-bunyi kicauan burung yang menjengkelkannya.

Ibu Nabil menyuruh Nabil untuk menutup tingkap biliknya itu sendiri kerana ibunya sibuk membersihkan rumah. Selepas itu, Ibu Nabil pun keluar dari biliknya lalu ke dapur pula untuk menyiapkan sarapan untuk dia dan adiknya, Nabilah.



Sedang Nabil ingin menutup tingkapnya...

“Eeeeeeeeeee! Apa ni?” teriak Nabil sehingga **menggegarkan** satu bloknya.

Jeritan Nabil itu seperti bunyi ayam berkokok pada waktu pagi. Rupa-rupanya, ketika dia sedang menutup tingkap biliknya, terasa seperti sesuatu terjatuh dari atas. Bentuk benda itu

kekuning-kuningan, agak hangat dan cair. Ianya seperti... Mungkin itulah yang membuat Nabil teriak dengan begitu kuat sekali.

Nabil terus ke cermin biliknya untuk melihat apa yang ada di atas kepalanya. Alangkah marahnya Nabil, apabila mendapat tahu yang cecair itu sebenarnya hasil seekor burung yang berterbangan di luar.

“Ish! Kalau aku dapat kau, **nahas** kau dibuatnya,” kata Nabil sendirian sambil terkumat-kamit.





Nabilah yang sedang menuju ke bilik air **menjenguk** ke arah bilik Nabil. Dia **tersengih-sengih** melihat **gelagat** Nabil. Nabilah tercuit hati melihat abangnya yang sedang cuba untuk membersihkan cecair di kepalanya itu.

Apabila terperasan yang Nabilah sedang sibuk memerhatikannya, Nabil mengejar

Nabilah sehingga ke ruang tamu. Pagi Sabtu itu diisi dengan suara dua-beradik sedang berkejaran di ruang tamu. Ibu mereka yang sedang masak di dapur terus menuju ke ruang tamu untuk melihat apa yang berlaku.

“Nabil... Nabilah! Ibu baru sahaja kemas ruang tamu. Apakah yang kamu berdua buat? Kan sudah berselerak lagi. Ibu penat tau,” kata ibu sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

Bapa mereka yang sedang membaca surat khabar **tersentak** melihat Nabil dan Nabilah.


“Kling, klung, klang, klong!”

Kedengaran bunyi yang kuat dari dapur.


Bunyi yang kuat itu datang daripada seekor burung yang terbaring di atas lantai dapur mereka. Burung itu kelihatan tercedera. Kemungkinan, burung itulah yang menyebabkan bunyi yang kuat itu. Burung itu pasti memasuki tingkap dapurnya dengan tidak sengaja.

Ayah, lihat sayap burung itu!” kata Nabilah, terperanjat.

“Mungkin burung ini tercedera disebabkan terlanggar tingkap dapur,” jawab Ayah kebingungan melihat keadaan burung itu.



“Ni mesti burung yang telah mengeluarkan cecairnya di atas kepala aku tadi. Padan muka!” kata Nabil sambil memeluk tubuhnya. Ayah kemudian mengangkat burung itu lalu memasukkannya ke dalam sebuah kotak yang diambil di bilik stor. Ibu pula membawa pembalut dan memberikannya kepada Ayah. Untunglah, Ayah pernah **meraih** pengalamannya merawat haiwan apabila pernah berkhidmat sebagai sukarelawan taman haiwan. Dengan perlahan, Ayah membubuh ubat di sayap burung itu. Kemudian, Ayah membalut sayap burung itu. Burung itu cuma berdiam sahaja mungkin disebabkan kesakitan.



Lama-kelamaan, Nabil berasa sedih dan kasihan melihat keadaan burung itu. Dia mahu melihat burung itu seperti sediakala. Nabil **tergamam**. Matanya terpaku melihat burung itu.





Nabilah turut sedih melihat keadaan burung itu. Dalam masa yang sama, dia mendapat idea untuk meminta izin bapanya untuk menjaga burung itu sehingga ianya sembuh. “Saya harap Ayah akan setuju dengan cadangan saya,” kata Nabilah sambil mengesatkan air mata.

Nabilah memberitahu ideanya itu kepada Nabil. Nabil sangat setuju dengan idea baik Nabilah itu. Padahal, tadi, marah sangat Nabil dengan burung itu. Nabil bersimpati dengan burung itu. Begitu juga Nabilah. Kemudian, Nabil dan Nabilah bersama-sama

ke ruang tamu di mana ibu bapa mereka sedang berehat dengan menonton televisyen. Dengan perlahan, Nabil dan Nabilah cuba menyelit di tengah-tengah ruangan ibu dan bapa mereka itu. Melihat gelagat itu, Ayah dan Ibu Nabil tersenyum. Mereka pasti ada sesuatu yang anak-anak mereka itu inginkan.

“Ayah, Ibu, boleh kami pelihara burung yang di dalam kotak itu?” tanya Nabilah sambil tersipu-sipu. Ibu dan Ayah Nabilah memandang dekat ke arah mata mereka. Ketika itu, dada Nabil dan Nabilah berdegap-degup dengan begitu cepat sekali disebabkan perasaan ghairah yang menyelubungi mereka sementara menunggukan jawapan daripada ibu bapa mereka.

“Tapi kamu berdua harus berjanji untuk tidak abaikan pelajaran kamu dan akan menjaga burung itu dengan baik,” jawab Ayah dengan tegas.

Semenjak hari itu, Nabil dan Nabilah bertungkus-lumus membahagikan masa menjaga burung itu dan juga mengulang kaji pelajaran mereka.

Pada suatu hari, ketika Nabil sedang bermain dengan burung itu di ruangan yang disediakan...

“Alamak! Lagi sekali!” pekik Nabil sekuat-kuat hatinya, tetapi kali ini, pekikannya itu dicampur dengan ketawa.



Glosari

terpancar	terkeluar cahaya
silauan	kabur mata disebabkan cahaya yang amat terang
menggegarkan	menggoncangkan
nahas	kemalangan atau kecelakaan
menjenguk	melihat dengan menghulurkan kepala ke hadapan
tersengih-sengih	tersenyum-senyum dengan terbuka mulut
gelagat	gerak-geri atau tingkah-laku
tersentak	terjaga atau tersedar
meraih	mendapat
tergamam	gugup, tidak dapat berkata apa-apa





Trivia


Tahukah kamu bahawa terdapat sekitar 8800 sehingga 10,200 spesies burung di seluruh dunia. Sekitar 1500 jenis di antaranya ditemukan di Indonesia. Kebanyakan burung harus makan makanan sekurang-kurangnya setengah dari berat badan mereka setiap hari.



Aktiviti Bersama Keluarga

Arahan: Cari jalan keluar untuk menyelamatkan burung yang terperangkap di dalam ruangan yang tertera.

Masuk



Keluar

